

Faktor Keagamaan Yang Mempengaruhi Semangat Perpaduan dalam Kalangan Remaja yang Tinggal di Kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR)

Key Factors Influencing Cultural Efficiency in Leadership Accuracy in Areas Housing Household (PPR)

Zaizul Ab Rahman (Pengarang Penghubung)
Tel: +016 – 2203504 Emel: zaizul@ukm.edu.my

Fauziah Ibrahim
Tel: +019 – 3071110 E-mel: fauziah@ukm.edu.my

Nasrudin Subhi
Tel: +014 – 9626979 E-mel: nas2572@ukm.edu.my

Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor

Abstrak

Elemen keagamaan dalam semangat perpaduan merupakan unsur penting untuk mengekalkan keharmonian dan kemakmuran dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia. Oleh itu artikel ini disediakan bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh faktor-faktor yang mempengaruhi elemen keagamaan dalam semangat perpaduan dalam kalangan remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia. Kajian dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Seramai 244 orang remaja yang tinggal di tiga buah kawasan perumahan iaitu di perumahan Rakyat Desa Rejang, Pantai Ria dan Seri Pantai telah dipilih sebagai responden kajian. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif dan regresi pelbagai secara *stepwise*. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti (59.8%) remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat menunjukkan elemen keagamaan yang sederhana sahaja dan perlu dipertingkatkan. Analisis regresi pelbagai pula mendapati bahawa faktor kesihatan diri ($\beta=.539$, $p<.05$)

adalah petunjuk utama yang mempengaruhi elemen keagamaan dalam semangat perpaduan dalam kalangan remaja. Manakala kombinasi kesihatan diri ($\beta=.405$, $p<.05$) dan tingkah laku prososial ($\beta=.289$, $p<.05$) menyumbang sebanyak 6.6% perubahan tambahan terhadap semangat perpaduan. Faktor hubungan kejiranan dan semangat cintakan Malaysia pula menyumbang sebanyak 3.1% dan 1.4% varians terhadap semangat perpaduan dalam kalangan remaja. Kombinasi keempat-empat faktor peramal tersebut telah menyumbang sebanyak 40.1% varians terhadap semangat perpaduan dalam kalangan remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat. Hasil kajian memberi implikasi positif kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha untuk menyediakan pelan strategik yang komprehensif dalam menambahbaik program-program yang boleh membina dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia.

Kata Kunci: Remaja di Kawasan Perumahan Rakyat, Semangat Perpaduan, Kesihatan Diri, Tingkah Laku Prososial, Semangat Cintakan Malaysia, Hubungan Kejiranan

Abstract

The religious element in the ‘spirit of unity’ is an important element that helps maintain harmony and peace within the multiracial society in Malaysia. This article aims to identify the factors that influence the religious element in the ‘spirit of unity’ among adolescents living in community housing areas in Malaysia. This study uses the quantitative-based cross-sectional survey framework involving 244 adolescents as respondents living in the three community housing areas of Desa Rejang, Pantai Ria and Seri Pantai in Malaysia. The research data that were gathered were analysed using the descriptive test and the multiple regression analysis using a stepwise method. The descriptive analysis showed that the majority (59.8%) of adolescents living in these community housing areas had a moderate level of religiousness that needed enhancement. The multi-regression analysis found that the ‘self-health’ factor ($\beta=.539$, $p<.05$) was the main indicator that influenced the religious element in the ‘spirit of unity’ among adolescents. Whereas the combination of ‘self-health’ ($\beta=.405$, $p<.05$) and ‘pro-social behaviour’ ($\beta=.289$, $p<.05$) contributed to 6.6% extra changes to ‘spirit of unity’. The ‘neighbourly relations’ and ‘Love Malaysia spirit’ factors had contributed 3.1% and 1.4% variance, respectively, towards the ‘spirit of unity’ factor. The combination of all these four predicting factors had contributed 40.1% variance towards the religiousness element in the ‘spirit of unity’ among adolescents in the PPR areas. The findings render positive implications to interested parties who prepare comprehensive strategic plans aimed at enhancing programs that build the religiousness element in the ‘spirit of unity’ among residents, especially adolescents, living in community housing areas in Malaysia.

Keywords: Adolescents In Community Housing Areas, Religious Element In The Spirit Of Unity, Self-Health, Pro-Social Behaviour, Love Malaysia Spirit, Neighbourly Relations

Pendahuluan

Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam kita dapat memahami bahawa Asas Fardhu Ain sangat dititik beratkan dalam perkembangan pendidikan di Malaysia. Usaha untuk memastikan pelajar Islam dapat memahami asas-asas agama melalui pendidikan Islam di sekolah telah dilakukan di peringkat akar umbi lagi. Secara umumnya kita dapat katakan pendidikan Asas Fardhu Ain di sekolah bertujuan supaya Asas Fardhu Ain yang sah dapat bertapak dalam jiwa remaja dan akhirnya dapat mempengaruhi dalam kehidupan remaja dengan memperlihatkan tingkah laku yang baik, berakhlak, mempunyai hubungan yang baik dengan Allah S.W.T, manusia dan makhluk lain. Ia bertepatan dengan pandangan sarjana-sarjana Islam antaranya ialah Mohd Salleh Samak (1998) yang berpendapat antara tujuan pendidikan Asas Fardhu Ain di sekolah ialah untuk menetapkan dalam hati remaja tentang keesaan Allah S.W.T berserta dengan dalil-dalil *naqli* dan *aqli*, membekalkan remaja dengan ilmu asas Fardhu Ain yang benar agar tidak diselewengkan dengan akidah yang batil, membina roh agama dalam jiwa bermula di peringkat awal lagi dan membentuk remaja yang beriman dan berakhlak mulia.

Bagi tujuan tersebut menurut Said (2000) akidah berperanan penting dalam kehidupan manusia untuk menanam semangat keimanan dalam hati mereka. Seseorang manusia yang hidup di dunia ini dan tidak tertanam dalam hatinya rasa keimanan adalah mereka yang terpedaya oleh kesenangan hidup di dunia. Realitinya pendidikan Asas Fardhu Ain sangat penting sebagaimana pendapat Sayed Sabiq (2005) yang menyatakan bahawa menanam Asas Fardhu Ain dalam jiwa manusia merupakan cara mendidik jiwa yang paling unggul kerana ia memberi kesan yang mendalam kepada perasaan sehingga tiada kuasa dan kesan lain yang mampu menyainginya dan pandangan Mohd Nasir (1973) dalam Salam (2003) yang berpendapat mengenal Tuhan, mentauhidkan Tuhan, mempercayai dan menyerahkan diri kepada Tuhan harus menjadi dasar bagi setiap

pendidikan yang hendak diberikan kepada generasi yang kita latih. Tanpa pendidikan Asas Fardhu Ain, generasi seterusnya akan hilang punca dalam mengharungi kehidupan di dunia (Zaizul, 2017). Manakala di akhirat nanti akan menerima sengsara azab Allah S.W.T. Pendidikan ini pula menjadi keperluan bermula daripada peringkat kanak-kanak lagi sebagaimana pendapat Abdullah Ishak (1995) yang menyatakan bahawa Asas Fardhu Ain adalah asas kepada masuknya seorang kanak-kanak dalam benteng dan lingkungan iman dan Islam. Tanpa pendidikan Asas Fardhu Ain, seorang kanak-kanak tidak mahu menjalankan tanggungjawabnya, tidak bersifat amanah, terumbang-ambing tanpa arah tujuan, tidak menjadi manusia mulia dan tidak sanggup dianggap sebagai model. Kanak-kanak tanpa Asas Fardhu Ain seperti binatang. Ia hanya mementingkan keinginan perut dan hawa nafsu semata-mata. Tidak hairanlah kanak-kanak itu menjadi manusia jahat suatu hari nanti kerana jiwanya penuh dengan bibit kekufuran, kesesatan dan sikap melanggar peraturan.

Hakikatnya, pendidikan Asas Fardhu Ain dalam pendidikan Islam di sekolah sangat jelas menjadi tapak asas yang mencorakkan pembinaan diri remaja. Ibarat sebuah rumah yang dibina, tapaknya perlu kukuh dengan konkrit yang disulami dengan besi bagi memastikan rumah tersebut kukuh tegak berdiri. Kekukuhan tapak ini menjamin ketahanan terhadap gegaran di samping ianya kekal lama. Begitulah juga dengan memahami tujuan mempelajari akidah menjadikan seseorang pelajar itu mapan jiwanya daripada ditunggangi hawa nafsu, tidak goyah dengan dakyah kesesatan serta tulus dalam pengabdian kepada Allah S.W.T (Zaizul et al, 2012).

Metodologi

Kajian ini berbentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif dan analisis regresi pelbagai secara *stepwise*. Penganalisaan data telah dilakukan dengan

menggunakan '*Statistical Package for the Social Science for Windows*' (*SPSS for Windows*). Instrumen berikut telah digunakan dalam penyelidikan:

1. Skala Semangat Perpaduan (SSP): mengandungi 4 soalan berkaitan dengan semangat perpaduan dalam kalangan remaja. Nilai kebolehpercayaan untuk skala yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.824.
2. Skala Kesihatan Diri (SKD): mengandungi 6 soalan berkaitan dengan kesihatan diri remaja. Nilai kebolehpercayaan untuk skala tersebut adalah 0.736.
3. Skala Tingkah Laku Prososial (STLP): mengandungi 4 soalan berkaitan dengan sokongan tingkah laku prososial dalam kalangan remaja. Nilai kebolehpercayaan untuk skala tersebut adalah 0.757.
4. Skala Hubungan Kejiranan (SHK): mengandungi 6 soalan berkaitan dengan hubungan kejiranan dalam kalangan remaja. Nilai kebolehpercayaan untuk skala tersebut adalah 0.762.
5. Skala Semangat Cintakan Malaysia (SSCM): mengandungi 5 soalan berkaitan dengan semangat cintakan Malaysia dalam kalangan remaja. Nilai kebolehpercayaan untuk skala tersebut adalah 0.862.

Kesemua soal selidik ini dibina oleh Fauziah et al. (2017) dengan menggunakan likert empat skala dan pilihan-pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju.

Analisis Regresi Pelbagai

Regresi pelbagai (*multiple regression*) digunakan untuk mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih faktor (variabel bebas) yang menyumbang kepada perubahan dalam suatu variabel bersandar (Chua, 2012). Dalam kajian ini, analisis regresi pelbagai dengan menggunakan kaedah *stepwise* digunakan untuk mengukur objektif kajian kedua iaitu untuk mengenal pasti pengaruh faktor-faktor

yang mempengaruhi semangat perpaduan dalam kalangan remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia. Menurut Diekhoff (1992), kaedah *stepwise* mempunyai kelebihan berbanding dengan regresi pelbagai lain kerana melalui kaedah ini, hanya variabel peramal yang signifikan akan dimasukkan ke dalam regresi. Kelebihan yang kedua ialah regresi pelbagai *stepwise* dapat mengelakkan masalah *multicollinearity* yang wujud akibat korelasi yang kuat antara variabel-variabel peramal. Korelasi ini tidak bermakna dan ia menyebabkan analisis menjadi kurang tepat (Diekhoff, 1992). Masalah ini dapat di atasi melalui analisis regresi pelbagai *stepwise* kerana variabel-variabel yang bermasalah ini tidak akan dimasukkan ke dalam regresi.

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada komuniti remaja yang sedang menetap di kawasan perumahan rakyat di sekitar Lembah Klang. Projek Perumahan Rakyat (PPR) merupakan kawasan perumahan yang dikhususkan untuk golongan yang berpendapatan rendah (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2005). Jumlah sampel komuniti remaja yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah sejumlah 244 orang remaja berumur dalam lingkungan 11-25 tahun. Persampelan rawak bertujuan digunakan untuk memilih 244 orang remaja dengan pecahan sepertimana Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Lokasi dan Jumlah Sampel Kajian

Bil	Lokasi Kajian	Jumlah Sampel
1	Perumahan Rakyat Desa Rejang	80 orang
2	Perumahan Rakyat Pantai Ria	80 orang
3	Perumahan Rakyat Seri Pantai	84 orang
Jumlah Keseluruhan Sampel		244 orang

Proses Pengumpulan Borang Soal Selidik

Sewaktu kerja-kerja pengutipan data dilakukan, penyelidik telah dibantu oleh pembantu penyelidik untuk menjalankan kerja-kerja pengedaran dan pengutipan data. Pembantu penyelidik yang terlibat terlebih dahulu diberikan penerangan dan taklimat ringkas tentang kaedah pengumpulan data oleh penyelidik. Pasukan penyelidik dan pembantu penyelidik bekerjasama menjalankan kerja-kerja pengumpulan data kajian. Pengedaran soal selidik dilakukan secara berperingkat mengikut lokasi di tiga buah penempatan kajian yang terlibat. Memandangkan kesemua responden boleh membaca dan menulis, maka borang soal selidik telah diisi dan dilengkapkan oleh responden secara sendiri dan diawasi oleh pembantu penyelidik bagi membolehkan mereka bertanya sekiranya terdapat soalan-soalan yang masih tidak difahami. Kaedah ini dilihat amat sesuai, lebih selesa dan memudahkan kerja-kerja pengumpulan data dilakukan di ketiga-tiga lokasi kajian yang terlibat.

Hasil dan Perbincangan

Faktor-Faktor Utama yang Mempengaruhi Hubungan Keluarga dalam Kalangan Remaja di PPR.

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.551 ^a	.304	.301	.39754
2	.646 ^b	.417	.412	.36456
3	.676 ^c	.457	.449	.35276
4	.684 ^d	.469	.459	.34970

a. Predictors: (Constant), PengFarduAin

b. Predictors: (Constant), PengFarduAin, HubKejiranan

c. Predictors: (Constant), PengFarduAin, HubKejiranan, KomitmenSekolah

d. Predictors: (Constant), PengFarduAin, HubKejiranan, KomitmenSekolah, CintaMalaysia

ANOVA^a

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	15.524	1	15.524	98.226	.000b
	Residual	35.559	225	.158		
	Total	51.083	226			
2	Regression	21.312	2	10.656	80.178	.000c
	Residual	29.771	224	.133		
	Total	51.083	226			
3	Regression	23.333	3	7.778	62.500	.000d
	Residual	27.750	223	.124		
	Total	51.083	226			
4	Regression	23.934	4	5.984	48.928	.000e
	Residual	27.149	222	.122		
	Total	51.083	226			

a. Dependent Variable: HubKeluarga

b. Predictors: (Constant), PengFarduAin

c. Predictors: (Constant), PengFarduAin, HubKejiranan


d. Predictors: (Constant), PengFarduAin, HubKejiranan, KomitmenSekolah

e. Predictors: (Constant), PengFarduAin, HubKejiranan, KomitmenSekolah, CintaMalaysia

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	1.669	.141		11.878	.000
	Pengetahuan FarduAin	.389	.039	.551	9.911	.000
2	(Constant)	.930	.171		5.448	.000
	Pengetahuan FarduAin	.330	.037	.467	8.884	.000
	Hubungan Kejiranan	.347	.053	.347	6.600	.000
3	(Constant)	.696	.175		3.975	.000
	Pengetahuan FarduAin	.271	.039	.385	7.016	.000
	Hubungan Kejiranan	.296	.053	.295	5.627	.000
	Komitmen Terhadap Sekolah	.192	.048	.226	4.029	.000
4	(Constant)	.557	.184		3.021	.003
	Pengetahuan FarduAin	.252	.039	.357	6.413	.000
	Hubungan Kejiranan	.259	.055	.259	4.747	.000
	Komitmen Terhadap Sekolah	.174	.048	.205	3.631	.000
	Semangat Cintakan Malaysia	.106	.048	.125	2.218	.028

a. Dependent Variable: HubKeluarga



Jadual 47: Faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan keluarga dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR.

Berdasarkan analisis regresi berganda yang dijalankan secara stepwise dengan menggunakan sampel kajian sejumlah 244 OKP, hasil kajian mendapati empat (4) faktor yang mempengaruhi semangat perpaduan dalam kalangan remaja di PPR iaitu kesihatan diri, tingkah laku prososial, hubungan kejiiran dan semangat cintakan Malaysia.

Perkaitan Antara Pengetahuan Fardu Ain dengan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Remaja di PPR:

Analisis kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang lemah tetapi signifikan antara pengetahuan fardu ain ($r=.405$, $p<0.01$) dengan tingkah laku prososial dalam kalangan remaja di PPR. Keputusan ini memberi maksud bahawa faktor pengetahuan fardu ain merupakan faktor yang mempunyai hubungan dengan tingkah laku prososial dalam kalangan remaja di PPR.

Perkaitan Antara Pengetahuan Fardu Ain dengan Perpaduan dalam Kalangan Remaja Di PPR:

Analisis kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang sangat lemah tetapi signifikan antara pengetahuan fardu ain ($r=.296$, $p<0.01$)

dengan perpaduan dalam kalangan remaja di PPR. Keputusan ini memberi maksud bahawa faktor pengetahuan fardu ain merupakan faktor yang mempunyai hubungan dengan perpaduan dalam kalangan remaja di PPR.

Perkaitan Antara Pengetahuan Fardu Ain dengan Semangat Cintakan Malaysia dalam Kalangan Remaja di PPR:

Analisis kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang lemah tetapi signifikan antara pengetahuan fardu ain ($r=.359$, $p>0.01$) dengan semangat cintakan Malaysia dalam kalangan remaja di PPR. Keputusan ini memberi maksud bahawa faktor pengetahuan fardu ain merupakan faktor yang mempunyai hubungan dengan semangat cintakan Malaysia dalam kalangan remaja di PPR.

Perkaitan Antara Pengetahuan Fardu Ain dengan Kesihatan Diri dalam Kalangan Remaja di PPR:

Analisis kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang lemah tetapi signifikan antara pengetahuan fardu ain ($r=.366$, $p<0.01$) dengan kesihatan diri dalam kalangan remaja di PPR. Keputusan ini memberi maksud bahawa faktor pengetahuan fardu ain merupakan faktor yang mempunyai hubungan dengan kesihatan diri dalam kalangan remaja di PPR.

Perkaitan Antara Pengetahuan Fardu Ain dengan Kesihatan Seksual dalam Kalangan Remaja di PPR:

Analisis kajian menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang lemah tetapi signifikan antara pengetahuan fardu ain ($r=-.147$, $p<0.05$) dengan kesihatan seksual dalam kalangan remaja di PPR. Keputusan ini memberi maksud bahawa faktor pengetahuan fardu ain merupakan faktor yang tidak mempunyai hubungan dengan kesihatan seksual dalam kalangan remaja di PPR.

Kesimpulan

Secara kesimpulan kajian menunjukkan bahawa usaha-usaha oleh pihak yang berpentingan untuk menambah baik semangat perpaduan dalam kalangan remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat perlu digerakkan. Ini kerana kajian menunjukkan tahap semangat perpaduan dalam kalangan remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Kajian juga mencadangkan supaya empat aspek berikut diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam merangka program-program untuk generasi muda yang boleh membantu melonjakkan semangat perpaduan dalam kalangan remaja iaitu melalui program-program yang boleh meningkatkan kesihatan diri remaja, mengukuhkan tingkah laku prososial, meningkatkan hubungan hubungan kejiwaan dalam kalangan mereka dan memperkasakan semangat cintakan Malaysia dalam kalangan remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia. Ini kerana analisis kajian memberi petunjuk bahawa keempat-empat faktor tersebut berupaya menyumbang kepada lonjakan untuk memperkasa semangat perpaduan dalam kalangan remaja.

Penghargaan

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri melalui kod penyelidikan SK-2016-016. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM serta semua yang telah menjayakan kajian ini.

Rujukan

Abdul Rahman, Hussein Ahmad, Sufean Hussin, Simin, G. & Mohammed Sani. (2014). Analisis Strategik: Dasar Pendidikan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Aziz Ujang, Jamaluddin Md Jani, Kadir Ariffin & Kadaruddin Aiyub. (2014). Kesedaran

Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Vol 2(2):31-39

Azra (2005). Sekolah Satu Aliran Pupuk Perpaduan. Perak: Portal Komuniti Warga Pendidikan Daerah Kerian.

Chua Yan Piaw. (2012). Asas Statistik Penyelidikan. Kuala Lumpur:Mc Graw Hill Sdn Bhd.

Diekhoff George. (1992). *Statistics for the Social and Behavioral Sciences*. Dubuque: Wm. C. Brown Publisher.

Denison Jayasooria, (2010) "National Unity Advisory Panel: Opportunities & Challenges In A Multi Ethnic Society". *Managing Success in Unity*. Department of National Unity and Integration Prime Ministers Department. PUTRAJAYA.

Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Salina Nen, Azianura Hani Shaari, Nasrudin Subhi, Zaizul Ab Rahman, Shahrul Nazmi Sannusi dan Mohd Nasir Selamat. (2017). *Kesejahteraan Diri Remaja Di Kawasan Perumahan Rakyat di Malaysia: Laporan Akhir Penyelidikan*. UKM, Bangi.

Hussein Ahmad (1987). Nilai-nilai asas dalam pembangunan perpaduan nasional. *Balai Muhibah: Penyebar Semangat Perpaduan*. Vol. 275, pp. 4 – 8

Ruth, Wong, Chong & Pung (2016). *Isu Perpaduan Kaum Dalam Kalangan Pelajar UKM, Bangi: Tugas Berkumpulan Pemikiran Kritis & Penyelesaian Masalah*. Bangi: Selangor.

Suzana Sulaiman. (2013). *Perpaduan Pelajar Pelbagai Etnik: Kehidupan Sehari-hari Pelajar Program Diploma Tahun Dua, Sesi Pengajian 2012/2013*, Universiti Malaysia Perlis. *Proceeding of the International Conference on*

Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, MALAYSIA. e-ISBN 978-967-11768-1-8. Organized by World Conferences.net

Zaizul Ab Rahman, Zidni Nuran Noordin (2017). Jurnal Al-Turath, Perbandingan Proses Tazkiyah Al-Nafs Menurut Imam Al-Ghazali Dan Ibnu Qayyim, 2(1), 37-46.

Zaizul Ab Rahman, Ahmad Sunawary Long, Faudzi Naim Badaruddin, Jaffary Awang, Mazlan Ibrahim, Indriaty Ismail, Norul Huda Sarnon @ Kusenin, Suzana Mohd Hoesni, Ab. Aziz Mohd Zain, Fakhru Adabi Abdul, (2012). International Journal Of Business And Social Science, The Attributions Of Academic And Co-Curricular Success Of Malay And Chinese Students In Universiti Kebangsaan Malaysia, 3(2):257-267